



## **KENYATAAN MEDIA**

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)**

**SEMPENA**

**LAWATAN KERJA RASMI**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR  
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**KE KAWASAN BANJIR DI TERENGGANU**

**9 JANUARI 2017**

---

YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengadakan sesi lawatan rasmi untuk meninjau kawasan-kawasan banjir di Negeri Terengganu pada hari ini. Beliau turut menyampaikan bantuan pasca banjir dan beramah mesra bersama-sama mangsa-mangsa banjir yang ditempatkan di Dewan Sekolah Kebangsaan Durian Mentangau, Kampung Durian Mentangau, Paka, Dungun, Terengganu.

Sebagaimana ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), negara kini sedang berada di dalam musim tengkujuh Monsun Timur laut yang telah bermula sejak dari bulan November tahun lalu sehingga Mac tahun ini. Pada musim tengkujuh setiap tahun, penerimaan hujan membawa risiko banjir yang tinggi terutamanya kepada negeri-negeri di Pantai Timur di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Berdasarkan daripada 189 Lembangan Sungai di Malaysia, sebanyak 49 Lembangan Sungai yang bersamaan dengan 26 peratus dari jumlah keseluruhan lembangan di seluruh negara berisiko banjir.

Secara umumnya, Malaysia menerima purata hujan sebanyak 2,940 mm setahun. Jumlah ini merupakan tiga (3) kali ganda lebih banyak berbanding purata hujan global iaitu 830 mm setahun. Meskipun purata hujan yang diterima ini tinggi, namun corak dan pola hujan di seluruh negeri adalah berbeza-beza. Jurang perbezaan ini kebanyakannya adalah dipengaruhi oleh faktor fizikal dan iklim. Kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia biasanya menerima 55% taburan hujan tahunan sepanjang musim tengkujuh yang berlaku di antara bulan November dan Mac. Manakala baki 41% taburan hujan lagi diterima sepanjang tempoh Monsun Baratdaya. Kawasan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia pula hanya menerima satu per tiga bilangan taburan hujan dalam tempoh kedua-dua monsun tersebut berlaku termasuk bulan antara monsun.

Pada akhir Disember 2014, banjir ekstrem yang telah berlaku di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang yang telah mengorbankan 25 nyawa dan mengakibatkan lebih 500,000 orang penduduk dipindahkan. Antara tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Pusat dalam usaha menangani masalah banjir di Terengganu adalah melalui pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Besut Fasa 1 - Sungai Nail yang merangkumi kerja-kerja penaiktarafan sistem saliran banjir sediaada, pembinaan perangkap sampah, membina ban banjir dan jalan serta pengindahan koridor sungai berjumlah RM15 Juta dan telah siap sepenuhnya pada 4 September 2016..

Manakala di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK), sejumlah RM1.1 billion telah diluluskan bagi Negeri Terengganu di mana RM1.06 billion daripadanya adalah merupakan projek sambungan. Lanjutan itu, sebanyak RM88.15 juta diperuntukkan dalam RP2 2017 bagi pelaksanaan projek dibawah pelbagai program.

Daripada keseluruhan 8 projek sambungan yang akan dilaksanakan, sebanyak 2 buah projek sedang dalam pelaksanaan iaitu Projek Mencegah Hakisan Pantai Tok Jembal (Fasa 2) yang telah siap sebanyak 93.5% dan Projek Pemuliharaan Muara Sungai Besut yang dijangka akan mengambil masa selama 3 tahun untuk siap

sepenuhnya. Selain itu, pelaksanaan bagi Projek Menaiktaraf Ban Pantai Lagun Setiu dijangka dapat dimulakan pada Mac 2017. Manakala perolehan bagi baki sebanyak 5 buah projek yang lain akan dilaksanakan bermula April sehingga November 2017.

Sebanyak 4 buah projek baru dengan kos projek sebanyak RM37 juta telah diluluskan dibawah Rolling Plan ke-2 yang merangkumi 3 buah cadangan Projek Tebatan Banjir di pelbagai kawasan termasuk Projek Tebatan Banjir Gong Kiat sebanyak RM7 juta, Projek Tebatan Banjir Guntung Luar sebanyak RM5 juta dan Projek Tebatan Banjir Kuala Terengganu (UMT) sebanyak RM10 juta. Turut diluluskan dibawah Rolling Plan ke-2 ini adalah pelaksanaan Projek Pemuliharaan dan Menaiktaraf sungai Cepuh dengan kos projek sebanyak RM15 juta. Projek-projek ini adalah sebahagian projek yang diluluskan dalam program *Walkabout* YB Dato Sri Dr haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar ke Negeri Terengganu pada 14 dan 15 Mac 2016 bagi meninjau isu hakisan pantai dan banjir di Terengganu khususnya.

Dalam program *Walkabout* tersebut, YB Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar juga telah meluluskan pelaksanaan lima (5) projek kerja-kerja Darurat iaitu di Pantai Teluk Lipat, Dungun, Pantai Rusila, Marang, Pantai Bukit Keluang, Besut, Pantai Kemasik, Kemaman dan Pantai Tanjung Gelam, Kuala Nerus. Kos keseluruhan projek berjumlah RM16.9 juta bagi pelaksanaan segera dan serta merta perlindungan pantai yang terjejas teruk akibat hakisan yang telah menyebabkan kerosakan harta benda dan turut mengancam keselamatan penduduk setempat. Skop projek merangkumi pembinaan struktur lapis lindung batuan, *rock revetment* dan telah siap sepenuhnya pada 2016. Bagi pelaksanaan segera mengatasi masalah banjir, YB Dato' Sri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, juga meluluskan peruntukan sebanyak RM1 juta bagi pelaksanaan dua (2) projek membaikpulih Sungai Cepuh dan mengatasi banjir di Pengkalan Ajal, Ajil. Dengan ini, keseluruhan peruntukan yang diluluskan dalam program *walkabout* tersebut adalah berjumlah RM64.9 juta.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga sedang menambah baik sistem ramalan dan amaran banjir melalui Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB). Menerusi program ini, ramalan banjir seawal 7 hari dapat diterima oleh penduduk dengan penambahbaikan amaran banjir dikeluarkan 2 hari lebih awal berbanding 6 jam sebelum ini. Sejumlah RM550 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan (PRAB) ini merangkumi 40 lembangan sungai utama Negara.

Antara skop kerja yang terlibat dalam (PRAB) ini adalah meliputi penyediaan infrastruktur dan pembinaan serta menaiktaraf stesen-stesen hidrologi, pembangunan sistem pengesanan data-data hidrologi, komunikasi telemetri, pangkalan data, pemprosesan data spatial dan ramalan serta hebahan. Fasa satu projek ini meliputi Lembangan Sungai Kelantan, Sungai Terengganu dan Sungai Pahang dan dijangka siap pada penghujung tahun 2017 dan beroperasi pada tahun 2018.